

## 5 • Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia




## 5.1 PERJAWATAN

Jumlah perjawatan yang telah diluluskan kepada UniMAP sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 1672. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 50 jawatan baharu berbanding 1622 jawatan pada tahun 2017. Manakala pengisian perjawatan sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 1617 jawatan iaitu terdiri daripada 960 orang Staf Akademik kumpulan Pengurusan Dan Profesional, 160 orang staf Bukan Akademik kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 497 orang staf Bukan Akademik Kumpulan Pelaksana.


Bilangan keseluruhan Staf Bukan Warganegara sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai 21 dan terdiri daripada tiga (3) dari Indonesia, dua (2) dari India, dua (2) dari Myanmar, dua (2) dari Pakistan, dua (2) dari Thailand, dua (2) dari Republik Rakyat China, dan masing-masing satu (1) dari Permanent Residence, Bangladesh, Kanada, Jepun, Nigeria, Vietnam, Sudan, dan Filipina.

**Jadual 5.1: Pecahan Bilangan Staf Mengikut Kumpulan Perkhidmatan**

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
<b>Kumpulan Pengurusan Dan Profesional</b>	
• <b>Akademik</b>	
- Profesor	18
- Profesor Madya	60
- Pensyarah Kanan	378
- Pensyarah Universiti	369
- Pegawai Latihan Vokasional	117
- Guru Bahasa	18
• <b>Bukan Akademik</b>	160
<b>Kumpulan Pelaksana</b>	497
<b>Jumlah</b>	<b>1617</b>



**Rajah 5.1: Pecahan Staf Akademik**



**Rajah 5.2: Pecahan Staf Mengikut Kumpulan Perkhidmatan**

Pada tahun 2018, seramai 92 orang staf akademik 18 staf bukan akademik pengurusan dan profesional dan 15 orang staf kumpulan pelaksana telah dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing.

Sebanyak 52 orang staf tidak lagi berkhidmat di UniMAP yang terdiri daripada staf yang telah meletak jawatan, bersara, meninggal dunia, tamat perkhidmatan dan juga tidak dilantik semula sepanjang tahun 2018.

## 5.2 PERKHIDMATAN

### A. Kebajikan Staf

Bagi Tahun 2018, sebanyak RM 778,117.82 dibelanjakan bagi perkhidmatan perubatan. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

**Jadual 5.2: Jumlah Perbelanjaan Perkhidmatan Kesihatan 2018**

Jenis Perbelanjaan	Jumlah (RM)	
Perbelanjaan Rawatan Klinik Panel	Perubatan	RM 544,260.00
	Pergigian	RM 53,566.00
Perbelanjaan Rawatan Hemodialisis Staf	RM 121,192.00	
Tuntutan Perbatuan dan Elaun (Bagi Tujuan Mendapatkan Rawatan Perubatan di Luar Stesen atas Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan)	RM 9,182.82	
Kos Perbelanjaan Kemudahan Perubatan seperti Alat, Ubatan, dan lain-lain perkhidmatan perubatan.	RM 49,917.00	
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 778,117.82</b>	

## B. Senarai pegawai yang bersara wajib pada tahun 2018

Jadual 5.3 : Senarai pegawai yang bersara wajib 2018

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Prof. Dr. Zakaria bin Wahab	Profesor Gred Khas B	13 April 2018
2.	En. Abdul Rashit bin Mustafa	Pengawal Keselamatan	11 September 2018
3.	En. Rosely bin Md. Noor	Pemandu	16 November 2018

## C. Senarai pegawai yang bersara pilihan pada tahun 2018

Jadual 5.4: Senarai Pegawai Bersara Pilihan 2018.

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Nani Maslina binti Sulaiman Najidi	Pembantu Tadbir Kanan	01 Februari 2018
2.	Sarina binti Din	Pengawal Keselamatan	31 Julai 2018

## 5.3 SKIM PENGAJIAN LANJUTAN

### A. Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

UniMAP telah melantik 2 orang felo untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan juga Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Kedua-dua felo ini telah memilih universiti dalam negara untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar. Felo-felo tersebut ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI).

Data felo yang terlibat bagi tahun 2018 adalah seperti Jadual 5.5:

Jadual 5.5: Data Felo 2018 Yang Mengikuti SLTPA

Bil.	Pusat Pengajian	Sarjana	PhD	Tajaan	Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara		
1.	PPIPT	1		SLAI	1
2.	PPK Mekatronik		1	SLAB	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1</b>	<b>1</b>		<b>2</b>

## B. Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik (SPLKA)

Seramai 34 pensyarah UniMAP telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah skim ini. Pensyarah-pensyarah ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) mengikut bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar.

Data pensyarah yang terlibat bagi tahun 2018 adalah seperti Jadual 5.6:

Jadual 5.6: Data Pensyarah 2018 Yang Mengikuti SPLKA

Bil.	Pusat Pengajian	PhD		Jumlah
		Dalam Negara	Luar Negara	
1.	FTK	4	2	6
2.	IMK	3		3
3.	PPIPT	5		5
4.	PPK Alam Sekitar		1	1
5.	PPK Bahan	3		3
6.	PPK Bioproses	2	1	3
7.	PPK Komputer Perhubungan	2		2
8.	PPK Mekatronik	1		1
9.	PPK Miekroelektronik	1		1
10.	PPK Pembuatan	1		1
11.	PPK Sistem Elektrik	3		3
12.	Pusat Bahasa Antarabangsa	3		3
13.	Pusat Pengajian Diploma	1		1
14.	IKOM	2		2
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>31</b>	<b>4</b>	<b>35</b>

### C. Lain-Lain Penajaan

Terdapat 2 orang pensyarah telah diluluskan untuk menyambung pengajian peringkat Sarjana melalui Skim Cuti Belajar Kakitangan Akademik (Pensyarah & PLV) di UniMAP. Manakala 8 orang pensyarah lagi telah diluluskan untuk menyambung pengajian dalam Ijazah Kedoktoran di bawah skim 'Peningkatan Profesionalisme'. Seorang staf telah ditawarkan untuk menyambung pengajian di bawah skim 'Fast Track'.

#### D. Skim Cuti Pasca Kedoktoran (Post-Doc)


Skim ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada staf akademik UniMAP yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berkaitan bidang pengajian. Bilangan Staf UniMAP yang mengikuti skim ini (outbound) adalah 2 orang. Manakala 3 orang penyelidik luar memohon menjalani skim ini (inbound) di UniMAP.

#### E. Cuti Sabatikal

UniMAP juga menawarkan kemudahan cuti sabbatical kepada staf akademik untuk mengikuti pengajian atau penyelidikan dalam bidang kepakaran serta berpeluang memperolehi pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan teknologi terkini dalam sesuatu bidang.

#### F. Skim Sangkutan (Bukan Staf UniMAP)

Skim ini bertujuan memberi peluang kepada ahli akademik bukan staf UniMAP untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan akademik dan penyelidikan berhubung dengan bidang pengajian di UniMAP. Sehingga kini, terdapat seorang pensyarah daripada USM yang mengikuti skim ini selama 8 bulan.



Rajah 5.3 : Pecahan Bilangan Staf Yang Terlibat Skim Di Bawah Unit Cuti Belajar

## 5.4 KURSUS DAN LATIHAN

Penggabungan Unit Latihan dan Kompetensi telah diluluskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti Kali Ke -115 (Bil.9/2017). Unit Latihan dan Kompetensi merupakan sebuah unit yang diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan

Modal Insan, Jabatan Pendaftar dan komited untuk memenuhi keperluan pembangunan sumber manusia di UniMAP.

Pelaksanaan Latihan adalah di bawah tanggungjawab Unit Latihan dan Kompetensi dan skop latihan yang dijalankan adalah bagi memenuhi keperluan/ kemahiran umum yang diperlukan oleh staf untuk melaksanakan tugas mereka di samping kursus yang membawa kepada kemajuan kerjaya dan meningkatkan kompetensi staf. Unit Latihan dan Kompetensi akan bekerjasama dengan Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi mengenalpasti latihan yang menjurus kepada kompetensi khusus yang berpandukan kepada analisis keperluan latihan yang telah disediakan pada setiap tahun. Objektif penubuhan unit ini untuk mengenal pasti keperluan latihan dan menyediakan peluang latihan kepada semua staf supaya UniMAP mempunyai tenaga manusia yang berpengetahuan, cekap dan terlatih untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan program organisasi dengan tahap profesionalisma yang tinggi.

Sebanyak 92 kursus telah dilaksanakan sepanjang 2018 menggunakan peruntukan Unit Latihan & Kompetensi, Jabatan Pendaftar. Daripada 92 kursus tersebut, 26 kursus daripadanya adalah kursus anjuran dalaman, 32 kursus dijalankan secara anjuran bersama PTj lain dan 34 kursus yang dianjurkan oleh institusi luar.

Jadual 5.7: Bilangan kursus dianjurkan sepanjang 2018

Bil.	Kategori	PTJ	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1.	Anjuran Dalaman	Unit Latihan & Kompetensi, Jabatan Pendaftar	26	890
2.		Anjung Kuala Lumpur	1	5
3.		Jabatan Bendahari	1	98
4.		Pejabat Pengurusan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	2	78
5.	Anjuran Kerjasama PTj	Jabatan Pendaftar	4	134
6.		Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknkomunikasi (iKOM)	2	603
7.		Pusat Kesihatan	1	49
8.		Jabatan Pembangunan	1	45
9.		Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	10	342
10.		Persatuan Pegawai Tadbir & Iktisas (POTENSI)	2	200
11.		Pusat Bahasa Antarabangsa	1	100
12.		Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (UKKP)	6	140
13.		Unit Kebudayaan & Rekreasi (UKR)	1	76

Bil.	Kategori	PTJ	Bil. Kursus	Bil. Peserta
14.	Anjuran Luar	Organisasi Luar	34	68
<b>Jumlah</b>			<b>92</b>	<b>2828</b>

## 5.5 STATISTIK PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC)

Pada tahun 2018, pihak universiti telah menganugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2017 kepada 127 orang berbanding pada APC Tahun 2016 iaitu 123 orang. Kategori penganugerahan seperti berikut:

**Jadual 5.8: Bilangan Penerima APC**

Bil.	Anugerah	Bilangan Penerima		
		Tahun 2017	Tahun 2016	Tahun 2015
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	127	123	106
2.	Anugerah Pendidik Cemerlang	5	4	4
3.	Anugerah Pentadbir Cemerlang	5	4	4
4.	Anugerah Staf Sokongan Cemerlang	10	8	9
5.	Anugerah Versatil	4	4	5
6.	Anugerah Rakan Pendamping Siswa	4	2	2

## 5.6 ANUGERAH PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN TAHUN 2018

Bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada tahun 2018, tujuh (7) orang staf seperti berikut telah dikurniakan Darjah Kebesaran Negeri Perlis:

**Jadual 5.9: Senarai Penerima Pingat Dan Darjah Kebesaran 2018**

Bil.	Nama	Jawatan	Anugerah	Negeri
1.	Prof. Dr. Uda Bin Hashim	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)/ Profesor Gred Khas B	Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)	Perlis
2.	Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Bin Syed Junid	Profesor Gred Khas B	Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)	Perlis
3.	Hj. Zuber Bin Hj. Mohamad	Pendaftar/Pegawai Tadbir	Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)	Perlis

Bil.	Nama	Jawatan	Anugerah	Negeri
4.	Prof. Dr. Hazry Bin Desa	Dekan/ Profesor Gred Khas C	Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)	Perlis
5.	Prof. Madya Nor Azmi Bin Johari	Profesor Madya	Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)	Perlis
6.	Bakar Bin Othman	Pemandu Kenderaan (Tamat kontrak)	Pingat Jasa Baik (P.J.B)	Perlis
7.	Che Azmi Bin Che Mat	Pesara UniMAP	Pingat Jasa Baik (P.J.B)	Perlis

